

# Pekan Lama Petaling Jaya

## Gamit Nostalgia di Bandar Moden

Petaling Jaya dipenuhi dengan kehidupan yang subur, berkat sejarahnya yang kaya dengan gaya hidup moden.

Pada tahun 1952, pemerintah kolonial British cuba mengurangkan kesesakan di pusat bandar Kuala Lumpur. Maka, mereka merancang penempatan baru "Little Kuala Lumpur" di antara Kuala Lumpur dan Pelabuhan Klang, di mana Petaling Jaya sekarang berada. Penduduk awal Petaling Jaya telah menetap di kawasan Seksyen 1, 2, 3, dan 4.

Pekan lama menjadi pusat aktiviti perdagangan dengan pembangunan infrastruktur seperti Hospital Assunta, sebuah bank, dan panggung wayang Majestic untuk memenuhi keperluan setempat. Kedai-kedai lama sepanjang Jalan Othman masih mengekalkan seni bina British. Deretan bangunan tertua ini pernah wujudnya kedai minuman keras pertama di Malaysia, kedai alat perkakas pertama di Petaling Jaya, dan studio gambar pertama yang meraikan kenangan lama bandar ini.

Walaupun Pekan Lama PJ tidak lagi muda kelihatannya selepas 70 tahun, tetapi ia sebenarnya masih kekal menjadi pusat ekonomi yang berkembang pesat. Kehadiran perniagaan baru di bangunan lama telah memperluaskan infrastruktur dan memudahkan kesinambungan hidup. Banyak gerai makanan mewarisi citarasa yang autentik turun-temurun hampir separuh abad.

Jom menjelajah Pekan Lama Petaling Jaya dan merasai keunikan nostalgia di bandar moden ini.



**Asal Usul Nama Petaling**  
Petaling Jaya mendapat namanya dari pokok-pokok Petaling yang dahulunya meliputi kawasan ini. "Jaya" ditambahkan setelah kejayaan projek "Little Kuala Lumpur" di bawah pentadbiran kolonial British.

## Pekan Lama PJ • Mercu Tanda

- Medan Selera PJ Old Town**  
Medan Selera PJ Old Town, Jalan Othman, 46100 Petaling Jaya, Selangor.  
Dikenali sebagai "48", medan selera ini menempatkan 48 gerai penjaja, ia dibuka pada tahun 1960 dan menyajikan pelbagai hidangan Melayu, Cina, dan India, seperti nasi lemak, nasi daun pisang, bak kut teh dan pelbagai pencuci mulut serta minuman. Tempat ini paling sibuk sewaktu makan tengah hari, dan mencerminkan kepelbagaian budaya Malaysia.
- Pasar Jalan Othman**  
23, Jalan Othman, Pjs 4, 46000 Petaling Jaya, Selangor.
- Terminal Bus PJ Old Town**  
Terminal PJ Old Town, Jalan Othman, 46100 Petaling Jaya, Selangor.  
Pada tahun 1950-an, kawasan kosong ini kadang-kadang digunakan oleh sirkus dan kemudiannya diubah menjadi Terminal Bus Petaling Jaya. Tempat kemuncaknya adalah dari tahun 1970-an hingga 1990-an. Pada tahun 2015, terminal lama telah digantikan dengan kemudahan moden dua tingkat yang siap pada tahun 2018. Terminal baru ini dilengkapi dengan lif, tandas, pejabat, kaunter tiket, kedai serbaneka, 16 kedai, kawasan menunggu, dan kemudahan untuk orang kurang upaya.
- Masjid Sultan Abdul Aziz Shah Jamek**  
69G, Lorong 3 & Jalan Templer, Seksyen 3, 46000 Petaling Jaya, Selangor.
- Kuil Sri Sishi Vinayagar**  
Seksyen 4, 46050 Petaling Jaya, Selangor.
- Gereja Good Shepherd Lutheran**  
40, Jalan Othman, 46050 Petaling Jaya, Selangor.
- Tokang Kwan Inn Teng**  
1, Lorong 4/49e, Seksyen 4, 46050 Petaling Jaya, Selangor.
- Sau Seng Lum**  
7, Jalan 1/5, Seksyen 1, Petaling Jaya, Selangor.
- Tokang Sun Hoon Keong**  
47, Jalan Railway 1/2, Seksyen 1, 46000 Petaling Jaya, Selangor.
- Sun Tau Jing Sheh**  
1, Jalan 1/15, Seksyen 1, 46000 Petaling Jaya, Selangor.
- Tokang Cheng Leong Keong**  
35-32, Jalan Railway 1/2, Seksyen 1, 46000 Petaling Jaya, Selangor.
- Tokang Nam Tin Tao Tee**  
25, Jalan 4/47, Pjs 4, 46050 Petaling Jaya, Selangor.
- Hospital Assunta**  
Jalan Templer, Pjs 4, 46990 Petaling Jaya, Selangor.  
Hospital Assunta yang ditubuhkan pada tahun 1954, merupakan salah satu hospital tertua di Malaysia dan hospital swasta pertama di Petaling Jaya. Pada mulanya, ia merupakan sebuah klinik kecil yang dikenali sebagai Ave Maria yang diuruskan oleh empat biarawati. Disebabkan permintaan yang kian meningkat, ia berkembang pesat dan secara rasminya diberikan nama Hospital Assunta pada tahun 1959. Pada tahun 1961, Kolej Kejuruteraan Tan Tan Cheng Lock, kolej kejuruteraan swasta pertama di Malaysia, ditubuhkan di sini. Gereja The Assumption PJ pula dibuka pada tahun 1960.
- Gereja The Assumption PJ**  
70, Jalan Templer, 46050, Petaling Jaya, Selangor.
- Taman Railway**  
Jalan Railway 1/2, Seksyen 1, 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
Pada mulanya, kawasan ini merupakan kampung setinggan, kemudian diubah menjadi tanah rezab setelah penduduk dipindahkan pada tahun 1950-an. Pada tahun 2016, ia dinaik taraf menjadi taman rekreasi.
- Kompleks Rakan Muda Arena Petaling Jaya**  
Jalan Selangor, Pjs 3, 46000 Petaling Jaya, Selangor.
- Stadium Haki MBPJ**  
18, Pjs 3, 46000 Petaling Jaya, Selangor.
- Perpustakaan Komuniti Petaling Jaya**  
Lot 389, Jalan Selangor, Seksyen 3, 46000 Petaling Jaya, Selangor.

## PJ Old Town • Kedai-Kedai Lama Di Jalan Othman

- Kedai Jam Heng Fatt**  
77, Jalan 1/12, 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
Kedai ini kelihatan sebuah muzium jam, dengan dinding dan kaunternya yang dilias dengan jam tangan dari zaman stam dan masa kini.
- Lian Hin Enterprise**  
67, Jalan 1/12, 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
Sebagai satu-satunya kedai alat tulis tradisional di Pekan Lama PJ, Lian Hin Enterprise menjual mainan dan buku yang menggamit kenangan manis bagi ramai pengunjung.
- Chelliah Kedai Gunting Rambut**  
65, Jalan 1/12, 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
Salon gunting rambut sejak tahun 70-an ini masih mengekalkan daya tarik dunia lama dengan kerusi berputar klasiknya, lampu neon, dan cermin vintage.
- Brother Lim Cushion**  
44, Jalan 1/12, 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
Ditubuhkan pada tahun 1972, Brother Lim Cushion khusus dalam bantal sofa dan kerusi kereta. Papan tanda yang unik membezakan kedainya daripada kedai lain dalam kawasan ini.
- Sing Hoe Weighing Enterprise**  
45, Jalan 1/12, 46000 Petaling Jaya, Selangor.
- KW Weighing Enterprise**  
59, Jalan 1/12, 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
Kedai ini menjual pelbagai jenis penimbang, memenuhi keperluan pelanggan lama yang biasa menimbang keperluan rumah tangga seperti kayu api, beras, minyak masak, garam, sos, cuka, teh, daging, sayur dan buah-buahan.
- Kedai Kaca & Bingkai PJ**  
48, Jalan 1/14, 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
Kedai tradisional ini pakar membuat bingkai cermin, kaca dan kayu buatan tangan mengingatkan kita tentang nilai kesenian dan ketekungan.
- J&G Fashion**  
50, Jalan 1/14, 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
Dulu, PJ mempunyai beberapa kedai tailoring seperti J&G Fesyen, di mana pelanggan boleh mendapatkan pakaian tempahannya mengikut ukuran badan.
- Pat Seong Wine Merchant**  
56, Jalan 1/14, 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
Ditubuhkan pada tahun 1954, kedai minuman keras pertama yang memiliki lesen arak di negara ini masih mengekalkan gaya senibina asal tahun 50-an.
- Kim Tee Jewellers**  
60, Jalan 1/14, 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
Kedai emas pada tahun 80-an bagai candawan tumbuh selepas hujan. Kebanyakan kedai emas seperti Kim Tee memasang palang besi disebabkan keselamatan.
- Starlight Foto Studio**  
68, Jalan 1/14, 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
Ditubuhkan pada tahun 1967, Starlight Studio Foto ialah tempat popular yang menawarkan perkhidmatan fotografi untuk keluarga, perkahwinan, dan korvokesyen.
- Foong Joo Pajak Gada**  
85, Jalan 1/14, 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
Di mana adanya kedai emas, pastinya ada kedai pajak gada. Dulu, apabila orang memerlukan wang tunai dengan cepat, mereka akan melawat kedai pajak gada seperti Foong Joo untuk menggadaikan perhiasan dan jam tangan mereka.
- Sang Hup Hardware & Sons**  
25, Jalan Othman, 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
Kedai ini yang ditubuhkan pada tahun 1954 merupakan kedai perkakasan pertama di PJ, menawarkan pelbagai alat dan peralatan.



**Asal Usul Nama Jalan Templer Dan Jalan Othman**  
Jalan Templer ialah jalan pertama di PJ, yang asalnya dikenali sebagai "Jalan Satu" la kemudiannya dinamakan semula sempena bekas Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu, Sir Gerald Templer. Manakala Jalan Othman pada asalnya dikenali sebagai "Jalan Dua" la diubah nama sempena Menteri Besar Selangor yang ketiga, Dato Othman Mohamed, yang berkhidmat dari Mac 1953 hingga September 1954.

**Bulatan Yang Terbesar Di Petaling Jaya**  
Pekan Lama PJ pernah mempunyai bulatan paling besar di Malaysia, menjangkau dari kedai-kedai berhampiran Public Bank sehingga ke lampu isyarat di hadapan pusat gerai Medan Selera. Menurut penduduk berusia, ia seluas dua padang bola sepak, dengan adanya taman rekreasi di dalamnya. Penduduk tempatan sering berkumpul di sana, khususnya pada waktu petang apabila penjual makanan datang, memeriahkan lagi kawasan itu.

**Kejiranan Melayu - Seksyen 3**  
Seksyen 3 adalah penempatan Melayu asal Petaling Jaya. Ramai penjawat awam dan golongan elit Melayu menetap di sini, termasuk ahli politik dan ibu bapa mereka seperti Tan Sri Ralidah Aziz, Dato' Seri Wan Azizah, Tan Sri Musa Hassan, dan Datuk Sheila Majid. Selain itu, masjid pertama Petaling Jaya, Masjid Sultan Abdul Aziz Jamek, dan kampus pertama Universiti Teknologi Mara (UiTM) juga bertapak di sini.



## Pekan Lama PJ Cadangan Lawatan Sehari



### PJ OLD TOWN • Peta Makanan



Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parlimen Petaling Jaya Lee Chean Chung  
Alamat: 78-1, Jalan Othman 1/14, Seksyen 1, 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
Talian: +6011-5995 9335  
Laman Web: <https://pjlestari.com/>

Penerbit: Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parlimen Petaling Jaya Lee Chean Chung  
Grafik: Sankeemaly  
Tarikh Penerbitan: Ogos 2024

Bukan untuk dijual.

## Pekan Lama PJ • Makanan



### 1 Tingkap Café

MESRA MUSLIM

Hiasan kafe membawa anda kembali ke tahun 70-an dan 80-an. Dimiliki oleh orang tempatan PJ, restoran ini mengkhususkan diri dalam hidangan Pantai Timur seperti nasi dagang, nasi kerabu, dan nasi bertauk, yang dihantar segar dari Kelantan ke Pekan Lama PJ setiap hari.

👍 Safe, Nasi Dagang, Nasi Kerabu  
📍 52, Jalan 1/14, PJ Old Town, 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
🕒 8 pagi - 5 petang (Cuti Hari Isnin)



### 2 Kavitha Banana Leaf, Medan Selera

MESRA MUSLIM

Sejak ditubuhkan pada tahun 1974, Kavitha telah menyajikan masakan India Utara yang autentik, terkenal dengan hidangan daun pisang yang luas menampilkan lebih dari 70 hidangan. Tradisi unik di Kavitha adalah adat melipat daun: lipat daun ke dalam jika anda menikmati hidangan anda, dan ke luar jika tidak.

👍 Nasi Daun Pisang  
📍 Stall #19, Medan Selera, Jalan Othman, 46050 Petaling Jaya, Selangor.  
🕒 9.30 pagi - 9.30 malam



### 3 Pisang Goreng PJ Old Town

MESRA MUSLIM

Goreng pisang adalah makanan tepi jalan Malaysia yang klasik, dan gerai ini telah menyajikannya selama lebih dari 35 tahun dalam dua generasi. Selain pisang goreng yang ikonik, pelanggan boleh menikmati cucur udang, karipap, dan popiah.

👍 Goreng Pisang, Popiah, Cucur Udang  
📍 No. 80 & 82, Jalan Othman, 1/14, 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
🕒 12 tengah hari - 7 malam (Cuti Hari Isnin)



### 4 Nasi Lemak Goreng Chef Fauzey

MESRA MUSLIM

Chef Fauzey menggaulkan nasi lemak klasik dengan kuah sambal istimewa sebelum digoreng. Disajikan dengan ayam goreng rangup dan telur goreng, disaluti dengan lebih banyak sambal pedas, hidangan kegemaran Malaysia ini wajib dicuba.

👍 Nasi Lemak Goreng Ayam  
📍 Jalan Sentosa 3/57, 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
🕒 6 petang - 10 malam (Cuti Hari Ahad)



### 5 Auntie Peggy's Ice Kacang & Cendol, Medan Selera

MESRA MUSLIM

Mula berniaga pada tahun 1961, kini diuruskan oleh pemilik generasi kedua, Auntie Peggy. ABC ais kacang dan cendol mereka kedua-duanya mempunyai perisa gula Melaka yang wangi, adalah hidangan sempurna bagi cuaca panas.

📍 Stall #46, Medan Selera, Jalan Othman, 46050 Petaling Jaya, Selangor.  
🕒 8 pagi - 4.30 petang (Cuti Hari Selasa)



### 6 Traditional Hakka Lui Char Restaurant

MESRA MUSLIM

Berawal sebagai gerai kecil dalam sebuah restoran, pemiliknya memulakan restoran yang mengkhususkan diri dalam Lui Char, sejenis teh tradisional Hakka. Makanan ini mengandungi tujuh jenis sayur-sayuran yang dipadankan dengan nasi putih atau nasi perang yang dicampurkan dengan udang kering, bersama-sama sup Lui Char, memberikan rasa manis yang menyegarkan.

📍 37, Jalan 1/12, Seksyen 1, PJ Old Town, 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
🕒 9.30 pagi - 2.30 petang (Cuti Hari Isnin)

### 7 Seong Kee Yong Tow Foo, Medan Selera

TIDAK HALAL

Gerai generasi kedua ini menawarkan pelbagai hidangan kegemaran keluarga Hakka tempatan termasuk Yong Tow Foo, Hakka Yam Abacus Seed, Vinegar Pork Leg, Fish Head Curry, dan banyak lagi. Kepopulerannya meluas bukan sahaja di kalangan penduduk tempatan tetapi juga peminat makanan berpengalaman.

📍 Stall #35, Medan Selera, Jalan Othman, 46050 Petaling Jaya, Selangor.  
🕒 11.30 pagi - 7 malam (Cuti Hari Isnin)

### 8 Kie Kee Chicken Rice & Porridge, Medan Selera

TIDAK HALAL

Selain nasi ayam panggang tradisional, gerai ini juga menawarkan ayam sos kicap. Dimariniskan dengan sos khas, ayamnya mempunyai daging yang lembut dengan sedikit rasa kicap. Daging babi panggang dan kari babi mereka disukai ramai.

📍 Stall #41, Medan Selera, Jalan Othman, 46050 Petaling Jaya, Selangor.  
🕒 9.30 pagi - 3 petang (Cuti Hari Selasa)

### 9 Tian Tian Lai Bak Kut Teh, Medan Selera

TIDAK HALAL

Antara gerai tertua di Pekan Lama PJ, kedai ini menyimpan kenangan pekerja-pekerja Cina menikmati bak kut teh untuk sarapan pada jam 4 - 5 pagi sebelum pergi bekerja.

📍 Stall #39, Medan Selera, Jalan Othman, 46050 Petaling Jaya, Selangor.  
🕒 7 pagi - 2.30 petang (Setiap Hari)

### 10 Kedai Kopi Choon Kwong

TIDAK HALAL

Sejak penubuhannya pada tahun 1970, kedai ini terkenal dengan mi babi. Pemilik generasi kedua tetap menggunakan daging babi segar dari pembekal yang dipercayai, dipadankan dengan sup tulang reneh sendiri. Hidangan ini yang dimasak dengan daging babi dan organ dalamnya, menjadi kenangan zaman kanak-kanak bagi penduduk PJ.

📍 5, Jalan 1/3A, 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
🕒 7 pagi - 1 petang (Cuti Hari Ahad)

### 11 Saviour Dim Sum

TIDAK HALAL

Gerai ini asalnya sebuah kedai yang menyajikan dim sum Hong Kong. Setelah pemiliknya mengambil semula tempat tersebut, pengusaha gerai ini membuka gerai di luar lokasi asal dengan pengukus 6 lapisan dan steamer kaca untuk makanan goreng. Dim sum pula dimasak dengan api arang.

📍 Jalan 1/21, PJ Old Town, 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
🕒 7.30 pagi - 8 malam (Cuti Hari Isnin)

### 12 Tai Wah Kopitiam

TIDAK HALAL

Berperanan sebagai tempat sarapan penduduk tua sejak tahun 1974, kopitiam ini menjadi tempat nostalgia selepas membeli barangan runcit. Kopi pekatnya, dihidangkan dengan roti bakar tradisional dan telur setengah masak, mengingatkan kenangan indah bagi ramai penduduk PJ.

📍 90a, Jalan Pasar, Off Jalan Othman, 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
🕒 6.30 pagi - 2 petang (Cuti Hari Rabu)

### 13 Bubur Medan Selera Jati

TIDAK HALAL

Dibuka sejak tahun 1956, kini berusia 70 tahun, mula menjual bubur campur organ babi berhampiran stesen bas lama. Awalnya tiada papan tanda, bau harumnya menarik pelanggan. Buburnya mempunyai tekstur yang pekat dengan perasaan acah dan lada, menampilkan organ campur seperti darah babi, usus goreng, lidah, jantung, dan lain-lain.

📍 Stall #21 Medan Selera Jati, Jalan 1/12, Off Jalan Othman, Petaling Jaya, Selangor.  
🕒 3 petang - 8.30 malam (Cuti Hari Isnin & Selasa)

### 14 Restoran Shoon Lee PJ - Kuey Teow Th'ng

TIDAK HALAL

Pemilik kedai kopi ini berasal dari Pulau Pinang, dan telah berniaga di sini sejak tahun 1972 selama dua generasi. Beliau memulakan hariannya pada jam tiga pagi dengan mereneh sup tulang ayam dan khinzir selama lebih tiga jam. Ini menghasilkan kuey teow sup beliau yang terkenal sedap itu.

📍 38, Jalan 1/19, PJ Old Town, 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
🕒 6 pagi - 3 petang (Cuti Hari Selasa)

### 15 Shui Kee Steamed Chicken, Medan Selera Seksyen 2

TIDAK HALAL

Kedai Shui Kee yang telah bertapak selama 35 tahun, terkenal dengan menjual pelbagai jenis masakan berasaskan ayam. Ayam akan dimasak dengan sempurna sebelum direndam di dalam air sejuk untuk menjadikan daging ayam lembut dan sedap dimakan. Kedai ini menjual 20 ayam secara purata setiap hari.

📍 4, Jalan 2/27, Seksyen 2, 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
🕒 8 pagi - 1 petang (Cuti Hari Isnin & Khamis)

### 16 Mee Udang Seksyen 2

TIDAK HALAL

Berawal dari sebuah van penjaja yang sederhana, pemiliknya telah menjual mee udang selama 50 tahun yang lalu. Udang itu direbus selama beberapa jam, menghasilkan kuah yang kaya dan berperisa dengan rasa pedas yang menyengat, tanpa bau laut yang biasa. Mee udang hanya tersedia pada hujung minggu.

📍 4, Jalan 2/27, Seksyen 2, 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
🕒 8.30 pagi - 2 petang (Cuti Hari Isnin & Khamis)

### 17 Heng Kee Bak Kut Teh

TIDAK HALAL

Heng Kee Bak Kut Teh beroperasi hanya pada waktu malam, meneruskan tradisi sejak pembukaannya pada tahun 1973. Dengan hampir 50 tahun di Pekan Lama PJ, gerai ini telah mendapat penghargaan atas Bak Kut Teh lazatnya, diiktiraf sebagai salah satu daripada 20 kedai Bak Kut Teh yang paling enak dalam negara.

📍 16, Jalan 1/10 (Old Town), 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
🕒 4.30 petang - 10.30 malam (Cuti Hari Isnin)

### 18 Restoran Veng Soon Nasi Ayam Claypot

TIDAK HALAL

Beroperasi sejak tahun 1977, restoran ini telah beralih ke generasi kedua. Hidangan utama mereka, nasi ayam claypot, menampilkan daging ayam yang lembut dan nasi berperisa, dengan atau tanpa ikan masin. Kedai ini juga menyediakan pelbagai jenis sup.

📍 F19, Jalan Pasar 1/21, PJ Old Town, 46000 Petaling Jaya, Selangor.  
🕒 11.30 pagi - 1.30 petang / 5 petang - 8.30 malam (Cuti Hari Selasa)